




DR Kasim, Dr Ismail dan Dr. Mahmud bersama sebahagian kadet kor Sispas yang menyertai perhimpunan di Terengganu.



KADET dari UMS menggunakan beberapa peralatan dalam aksi menyelamat di aras tinggi.

## Kor Sispas UMS naib johan Perhimpunan Kebangsaan

NST 22.07.2012 6

KOTA KINABALU: Kor Siswa-siswi Pertahanan Awam (Kor Sispas) Universiti Malaysia Sabah (UMS) naib johan keseluruhan Perhimpunan Kebangsaan Kor Sispas di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) baru-baru ini.

Tahun ini adalah kali ketiga Kor Sispas menyertai perhimpunan itu, kali pertama di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada tahun 2010, UMS muncul sebagai juara, manakala pada tahun lalu hanya berjaya mendapat tempat keempat.

Perhimpunan kebangsaan yang disertai Kor Sispas universiti-universiti di Malaysia itu melibatkan pertandingan dalam pelbagai aspek termasuk

kawad, melawan kebakaran, rawatan awal, menyelamat di aras tinggi, menyelamat di air dan membaca kompas.

Timbalan Naib Canselor, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md. Mansur yang menjadi Komandan Kor Sispas menyifatkan kejayaan tersebut sebagai satu hasil latihan yang gigih bagi membentuk sahsiah dan jati diri pelajar.

"Pihak Hal Ehwal Pelajar akan sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan dan kandungan latihan pasukan-pasukan beruniform," katanya.

Pengerusi Majlis Badan-badan Beruniform UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali yang menjadi Timbalan Komandan berkata, kegigihan dan komitmen para kadet dan pegawai membawa hasil dan berharap pencapaian tersebut terus konsisten dan lebih berjaya pada masa hadapan.

Prof Madya Dr. Mahmud Sudin dari Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa menerima watikah pelantikan sebagai Let. Kol Kor Sispas.**OLEH MARRYAN RAZAN-marryan@newsabah-times.com.my**